SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial STPM Semester 3 Pengajian Perniagaan Melaka 2024

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian B [50 markah]

Baca kajian kes dan jawab soalan dibawah

11.

Panorama Paradise Resort

Selvestone Junit, seorang siswazah muda dari Politeknik Kota Kinabalu memutuskan untuk berhenti kerja sebagai eksekutif bank dan menceburkan diri dalam dunia perniagaan bagi mengejar impiannya. Didorong oleh minatnya yang mendalam terhadap kehidupan alam semula jadi dan alam sekitar, Selvestone menyimpan impian untuk membina sebuah eko-resort di Kota Marudu. Pada 2011, lahirlah Panorama Paradise Resort di mana pelancong ekologi, pencinta alam semula jadi dan pengembara ekologi dapat merasai pengalaman kembali ke alam semula jadi. Namun perjalanan Selvestone untuk merealisasikan impiannya bukanlah mudah. Ramai yang ragu-ragu mengenai rancangan perniagaannya. Usianya yang muda, iaitu 27 tahun, juga merupakan penghalang. Beliau juga tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan serta memulakan perniagaannya, namun beliau belajar menerusi kaedah cuba jaya (trial and error) serta membina rangkaian dengan mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan serta dengan pelbagai agensi Kerajaan dan NGO di seluruh Sabah bagi merangka strategi dalam menetapkan hala tuju perniagaannya.

Kegigihan beliau dalam mengejar impiannya akhirnya mencapai kejayaan apabila beliau muncul sebagai pemenang Program Cabaran Perniagaan Luar Bandar anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pada tahun 2012 dalam bentuk geran RM500,000. Kini beliau merupakan antara usahawan kecil dan sederhana yang mendapat manfaat daripada Pelan Induk KKLW (2012-2020) yang dipantau oleh SME Corp Malaysia yang bertujuan untuk membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang lebih kompetitif pada masa depan berlandaskan platform global. Ia membolehkan individu yang berdaya saing seperti Selvestone mendapatkan nasihat yang bernas untuk merangka pelan permagaan mereka.

Walau bagaimanapun, impian usahawan muda ini bukan hanya untuk mencapai kejayaan dan keuntungan bagi dirinya semata-mata tetapi juga untuk membantu masyarakat tempatan memperoleh pendapatan tambahan. Beliau berusaha mengeksploitasikan potensi dalam eko-pelancongan tempatan secara mempamerkan budaya dan persekitaran masyarakat tempatan

kepada orang luar walaupun terpaksa menghadapi kesukaran pada awalnya. Akhirnya beliau berjaya meyakinkan sebahagian penduduk kampung untuk terlibat dengan mengupah mereka untuk membuat persembahan kebudayaan seperti tarian tradisional dan juga menyediakan makanan tempatan untuk para tetamu resortnya.

Keazamannya untuk berjaya dalam bidang pilihannya telah mendapat penghargaan seperti lkon Politeknik dan Ikon Belia Kota Marudu. Beliau juga merupakan pemenang Anugerah Inovasi 2017 dengan mencipta set penjana kuasa yang menggunakan bateri berkuasa solar. Namun, Selvestone masih belum berpuas hati dalam usahanya membina ilmu dan peningkatan diri. Walaupun sibuk menguruskan resort, beliau juga sedang melanjutkan pelajaran secara separuh masa dalam ijazah pengurusan pelancongan.

Harapan beliau agar kerajaan dapat membantu perniagaan sepertinya dengan menyediakan kemudahan asas perniagaan yang sesuai di kawasan luar bandar yang tiada talian telefon dan capaian internet, bekalan elektrik, dan air, pengairan dan saliran serta kemudahan asas yang lain. Berbekalkan semangat serta kesungguhannya menjadikan dirinya tidak mudah berputus asa apabila keadaan menjadi sukar.

Berdasarkan kajian kes di atas,

a) Jelaskan peranan Selvestone Junit sebagai usahawan dalam masyarakat [6]

b) Jelaskan ciri-ciri usahawan efektif yang ada pada Selvestone Junit berdasarkan Stephen Covey. [12]

c) Jelaskan bentuk-bentuk kemudahan dan bantuan yang boleh dinikmati oleh Panorama Paradise Resort dalam memastikan kejayaannya. [12]

Jawab **satu** soalan sahaja

12. Jelaskan lima cabaran yang dihadapi oleh syarikat multinasional. [20]

13. Terangkan lima jenis jenayah kolar putih yang boleh berlaku dalam sesebuah organisasi [20]

	- Pihak kerajaan akan meneliti rancangan perniagaan untuk memberikan bantuan kepada usahawan - Rancangan perniagaan yang berpotensi baik akan memudahkan pemberian dan kelulusan bantuan - Terdapat pelbagai program, inisiatif dan dasar Kerajaan yang disediakan oleh Kerajaan untuk membantu usahawan. **ii. Pembekal** - Pembekal meneliti rancangan perniagaan sebelum bersetuju dengan perjanjian bagi membekalkan bahan mentah, barang siap atau separuh siap - Memberikan jualan secara kredit sekiranya kedudukan kewangan berpotensi untuk berkembang maju - Pembekal juga menyediakan sumber modal yang cepat dan murah melalui jualan secara kredit **iii. Pembiaya** - Pihak bank/institusi kewangan perlu memastikan perniagaan bakal dijalankan itu berkembang maju - Pembiaya akan meneliti /menganalisis aliran tunai/penyata kewangan untuk ukur keupayaan perniagaan membayar balik pinjaman sebelum permohonan pinjaman diluluskan. - Rancangan perniagaan yang baik dapat menggambarkan maklumat kewangan yang meyakinkan pembiaya untuk beri pinjaman **2 Huraian /Contoh**	
4	Senaraikan empat elemen rancangan organisasi dalam sesebuah rancangan perniagaan. **Empat** elemen rancangan organisasi dalam rancangan perniagaan i. Struktur organisasi/carta organisasi ii. Senarai kakitangan pengurusan iii. Tanggungjawab dan tugas pekerja iv. Imbuhan gaji pekerja, ganjaran dan faedah v. Keperluan pejabat vi. Perbelanjaaan pentadbiran vii. Susun atur pejabat viii. Bilangan pekerja dan senarai pekerja **Pilih mana-mana 4 elemen yang pertama [4x1 =4m]**	[4]
5	Huraikan **tiga** jenis risiko yang dihadapi oleh syarikat multinasional. **1) Risiko ekonomi** • Ketidakstabilan ekonomi seperti kemerosotan/kemelesetan ekonomi boleh menyebabkan kerugian pada syarikat multinasional • Inflasi akan menyebabkan kenaikan harga yang berterusan . Contohnya apabila berlaku inflasi, harga akan naik dan kuasa beli akan menurun **2) Risiko politik** • Jika sesebuah negara itu tidak stabil dari segi politik seperti peristiwa rampasan kuasa atau tunjuk perasaan, maka negara tersebut diklasifikasikan sebagai tidak selamat untuk pelaburan	[6]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar